



**HIMPUNAN  
KEPUTUSAN MUZAKARAH  
JAWATANKUASA FATWA  
MAJLIS KEBANGSAAN BAGI  
HAL EHWAL UGAMA ISLAM  
MALAYSIA MENGENAI ISU-ISU  
SAINS DAN PERUBATAN**

جَاتِنَ كِنَا جَوَانِ اِسْلَامِ مَلِيْسِيَا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA





**HIMPUNAN  
KEPUTUSAN MUZAKARAH  
JAWATANKUASA FATWA  
MAJLIS KEBANGSAAN BAGI  
HAL EHVAL UCAMA ISLAM  
MALAYSIA MENGENAI ISU-SU  
SAINS DAN PERUBATAN**

PUSTAKA PERDANA



1012126



جائزہ کما جوائز اسلام ملیہ

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

*Diterbitkan Oleh*  
**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN FATWA**  
[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)  
[www.e-fatwa.gov.my](http://www.e-fatwa.gov.my)

Cetakan Kedua 2012  
Hak Cipta Terpelihara

Hak Cipta Terpelihara tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

*Reka bentuk oleh:*

Black & Brown Associates  
No. 9-4, Level 4,  
Pusat Dagangan UMNO Shah Alam,  
Persiaran Damai, Sek. 11,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA  
Tel: (6)03-5513 2250  
Faks: (6)03-5513 2251  
Email: mybbrown@gmail.com

# SIDANG EDITORIAL

## **Penasihat**

Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

## **Eksekutif Editor**

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor bin Hj. Husin  
Pengerusi  
Jawatankuasa Fatwa  
Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia

## **Ketua Editor**

Hajah Wan Morsita bt. Wan Sudin  
Pengarah  
Bahagian Pengurusan Fatwa  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

## **Sidang Editor**

Aminudin bin Mohamad  
Nor Safina bt. Zainal  
Abd. Karim bin Zakaria  
Mohd. Salehin bin Sopian



# ISI KANDUNGAN

Mukasurat

Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah JAKIM i



## TAHUN 1970

1. Pemindahan Anggota-Anggota Manusia 1
  - 23-24 Jun 1970
  - Persidangan Kali Pertama



## TAHUN 1981 - 1990

1. Mengadakan Bank Air Mani Menurut Kacamata Islam 4
  - 28-29 Januari 1981
  - Muzakarah Kali Pertama
2. Derma Darah Dan Penggunaan Darah Orang-Orang Islam Kepada Orang-Orang Bukan Islam Dan Sebaliknya 6
  - 13-14 April 1982
  - Muzakarah Kali Ke-4
3. Pertukaran Jantina Dari Lelaki Kepada Perempuan 8
  - 13-14 April 1982
  - Muzakarah Kali Ke-4
4. Bayi Tabung Uji 9
  - 16-17 November 1982
  - Muzakarah Kali Ke-5
5. Amalan Menggunakan Alat *Direct Current Shock* 11
  - 10 Oktober 1983
  - Muzakarah Kali ke-6
6. Garis Panduan Bagi Pengurusan Jenazah Orang-Orang Islam Luar Negeri 12
  - 24-25 September 1984
  - Muzakarah Kali Ke-8

7. Gelatin Dalam Ubat	13
- 24-25 September 1984	
- Muzakarah Kali Ke-8	
8. Kajian Mengenai Kadar Tumbesaran Dan Pembiakan (Fisiologi)	15
- 2 April 1988	
- Muzakarah Kali Ke-20	
9. Ubat Pelalian Rubela (Imunisasi Rubela)	17
- 12 September 1988	
- Muzakarah Kali Ke-21	
10. Imunisasi Hepatatis B Menurut Islam	19
- 24 November 1988	
- Muzakarah Kali Ke-22	
11. Permainan Beradas Binatang	20
- 5-6 Jun 1989	
- Muzakarah Kali Ke-24	
12. Pandangan Islam Terhadap Imunisasi Campak, Tibi, Batuk Kokol, Dipteria	21
- 5-6 Jun 1989	
- Muzakarah Kali Ke-24	
13. Rawatan <i>Brain Death</i>	22
- 13 Disember 1989	
- Muzakarah Kali Ke-25	
14. Hukum Menternak Binatang Dua Alam	24
- 7-8 Mac 1990	
- Muzakarah Kali Ke-26	
15. Pengguguran Kandungan Atas Nasihat Doktor Disebabkan Kecacatan	25
- 7-8 Mac 1990	
- Muzakarah Kali Ke-26	



## TAHUN 1991 - 2000

1. Sistem Susuk *Norplant* Dalam Program Perancangan Keluarga Kebangsaan 28
  - 29 Disember 1991
  - Muzakarah Kali Ke-28
2. Kaedah Pengendalian Mayat Pesakit AIDS Di Malaysia 30
  - 19 Februari 1992
  - Muzakarah Kali Ke-29
3. Hukum Mengawet Mayat 32
  - 11 Oktober 1993
  - Muzakarah Kali Ke-33
4. Hukum Bahan Pewarna (Cochineal) Dalam Islam 33
  - 23 Mac 1995
  - Muzakarah Kali Ke-37
5. Merokok Dari Pandangan Islam 34
  - 23 Mac 1995
  - Muzakarah Kali Ke-37
6. Penggunaan Geraf Tisu Dalam Amalan Perubatan 37
  - 21 Jun 1995
  - Muzakarah Kali Ke-38
7. Penggunaan Hormon PSH-P (Otak Babi) Sebagai Bahan Peningkatan Ternakan 40
  - 21 September 1995
  - Muzakarah Kali Ke-39
8. Bioteknologi Dalam Makanan Dan Minuman 41
  - 12 Julai 1999
  - Muzakarah Khas



1. **Pembiakan Manusia Dan Pengklonan Tujuan Perubatan Dari Sudut Syarak** 44
  - 11 Mac 2002
  - Muzakarah Kali Ke-51
2. **Hukum Menggugurkan Kandungan Mangsa Yang Dirogol** 46
  - 1 Julai 2002
  - Muzakarah Kali Ke-52
3. **Cadangan Menggugurkan Janin Pembawa Atau Pengidap Penyakit Thalassaemia** 49
  - 1 Julai 2002
  - Muzakarah Kali Ke-52
4. **Hukum Suntikan Pelalian Vaksin '*Meningococcal Meningitis* Oleh Orang Islam** 52
  - 27 November 2002
  - Muzakarah Kali Ke-53
5. **Hukum Penggunaan Air Baru (Newater)** 56
  - 27 November 2002
  - Muzakarah Kali Ke-53
6. **Garis Panduan Bedah Siasat Mayat Menurut Perspektif Islam** 61
  - 13 Oktober 2004
  - Muzakarah Kali Ke-65
7. **Hukum Pengklonan Terapeutik Dan Penyelidikan Sel Stem (Stem Cell)** 62
  - 22 Februari 2005
  - Muzakarah Kali Ke-67
8. **Hukum Suntikan *Botulinum Toxin Type A* (BTA)** 65
  - 4-6 April 2006
  - Muzakarah Kali Ke-73

- |     |  |    |
|-----|--|----|
| 9.  | Hukum Menggunakan Kaedah Autopsi Maya Sebagai Alternatif Kepada Bedah Siasat<br>- 4-6 April 2006<br>- Muzakarah Kali Ke-73                             | 69 |
| 10. | Hukum Penyalahgunaan Dadah Jenis Syabu Dan Jenis-Jenis Dadah Baru Yang Lain<br>- 21-23 November 2006<br>- Muzakarah Kali Ke-76                         | 72 |
| 11. | Penentuan Jantina Bagi <i>Ambiguous Genitalia</i> Dan <i>Testicular Feminisation Syndrome</i><br>- 21-23 November 2006<br>- Muzakarah Kali Ke-76       | 76 |
| 12. | Hukum Khatan Bagi Pesakit Heamophilia Dan Kanak-Kanak Cacat Akal<br>- 10-12 April 2007<br>- Muzakarah Kali Ke-77                                       | 80 |
| 13. | Hukum Penggunaan <i>Indelible Ink</i> Dalam Pilihanraya Malaysia<br>- 8 Ogos 2007<br>- Muzakarah Khas  | 83 |
| 14. | Hukum Pelaksanaan Ibadah Bagi Pesakit Yang Menggunakan Beg Kolostomi<br>- 6-8 September 2007<br>- Muzakarah Kali Ke-79                                 | 85 |
| 15. | Hukum Menggunakan Kaedah Khidmat Ibu Tumpang (Surrogate Motherhood) Untuk Mendapatkan Zuriat<br>- 1-3 Februari 2008<br>- Muzakarah Kali Ke-80          | 89 |
| 16. | Hukum Penggunaan Vaksin Biothrax Dan Vaksin Rotateg Yang Menggunakan Unsur Babi Dalam Proses Penghasilannya<br>- 31 Mac 2008<br>- Muzakarah Kali Ke-81 | 92 |

17. Hukum Menternak Dan Menjual Lintah Dan Cacing Untuk Tujuan Perubatan	95
- 31 Mac 2008	
- Muzakarah Kali Ke-81	
18. Hukum Menunaikan Haji Bagi Pesakit Yang Menjalani Rawatan Hemodialisis	96
- 15 Dis. 2008	
- Muzakarah Kali Ke-84	
19. Hukum Pemotongan Genitalia Wanita (Female Genital Mutilation)	98
- 21-23 Apr. 2009	
- Muzakarah Kali Ke-86	
20. Hukum Penggunaan Ubat <i>Clexane</i> Dan <i>Fraxiparine</i>	102
- 23-25 Jun 2009	
- Muzakarah Kali Ke-87	
21. Kajian Semula Hukum Penggunaan Kaedah Perubatan <i>Stem Cell Xenotransplantation</i>	106
- 23-25 Jun 2009	
- Muzakarah Kali Ke-87	
22. Fatwa Berhubung Kewajaran Mewajibkan Pelaksanaan Ujian Saringan HIV Kepada Bakal Pengantin	109
- 23-25 Jun 2009	
- Muzakarah Kali Ke-87	
23. Garis Panduan Pengendalian Masalah Kesihatan Seksual Dan Reproduktif Di Kalangan Remaja	110
- 1 Mac 2010	
- Muzakarah Kali Ke-90	
24. Hukum Penggunaan Penandaan Berdakwat Bagi Pesakit Kanser	120
- 1 Mac 2010	
- Muzakarah Kali Ke-90	

25. Garis Panduan Penilaian Risiko Dan Intervensi Primer Kemudharatan Alkohol Dari Sudut Syariah	121
- 4-5 Ogos 2010 - Muzakarah Kali Ke-91	
26. Hukum Pengambilan Vaksin <i>Human Papilloma Virus</i> (HPV)	123
- 15-17 Dis. 2010 - Muzakarah Kali Ke-92	
Lampiran	127



# KATA ALU-ALUAN



## **Ketua Pengarah JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

Segala puji-pujian dirafakkan ke hadrat Allah s.w.t, Tuhan sekalian alam dan selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Alhamdulillah dengan taufik dan inayahNya, buku Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Mengenai Isu-isu Sains Dan Perubatan ini dapat diterbitkan sebagai rujukan dan panduan kepada masyarakat Islam di Malaysia. Dari masa ke semasa umat Islam menghadapi pelbagai isu yang memerlukan panduan dan pandangan dari aspek hukum sebagai jalan penyelesaian. Sejak Jawatankuasa Fatwa MKI ini ditubuhkan pada tahun 1970 banyak persoalan yang melibatkan hukum hakam dalam bidang sains dan perubatan telah dibincang dan diputuskan di peringkat Jawatankuasa ini sebagai rujukan dan panduan kepada umat Islam. Sebagai agensi pusat yang bertanggungjawab dalam menyelaras hal-hal yang berkaitan dengan kefatwaan di Malaysia dan juga Urus Setia kepada Jawatankuasa Fatwa MKI, Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM yang ditubuhkan pada 1 Jun 2009 telah mengambil inisiatif menyusun semula semua isu dan keputusan yang berkaitan dalam bidang sains dan perubatan, memandangkan isu dalam bidang ini sukar difahami tanpa penjelasan yang sewajarnya. Saya berharap melalui penerbitan buku ini, ia boleh membantu memberikan panduan, maklumat dan kefahaman yang jelas dalam isu-isu sains dan perubatan yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa MKI.

Akhirnya, saya mengucapkan tahniah kepada Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM di atas usaha dan komitmen yang telah diberikan bagi menerbitkan buku ini. Usaha yang dilakukan ini merupakan sumbangan yang amat bernilai untuk pengisian ilmu kepada masyarakat. Mudah-mudahan segala usaha murni ini akan beroleh rahmat dan keberkatan daripada Allah s.w.t. dan dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian terima kasih.



**DATU' HAJI WAN MOHAMAD BIN DATU' SHEIKH ABDUL AZIZ**  
**Ketua Pengarah**  
**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**  
**Merangkap Setiausaha Jawatankuasa Fatwa MKI**



# TAHUN 1970

## 1 Pemindahan Anggota-Anggota Manusia

### Keputusan:

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang kali pertama di Bilik Kabinet, Pejabat Perdana Menteri Kuala Lumpur pada 23-24 Jun 1970 telah membincangkan isu Pemindahan Anggota-Anggota Manusia dan telah bersetuju memutuskan seperti berikut:

“Pemindahan mata dan jantung orang-orang mati kepada orang-orang yang hidup adalah dibenarkan di dalam Islam, dan di atas kebenarannya pertimbangan-pertimbangan berikut hendaklah diambil kira:

- a) Di dalam keadaan mendesak dan mustahak, nyawa penerimanya bergantung kepada pemindahan anggota itu dan pemindahannya adalah difikirkan berjaya.
- b) Di dalam keadaan pemindahan jantung, kematian penderma telah di pastikan sebelum dipindahkan jantungnya.
- c) Kebenaran hendaklah diperolehi daripada penderma-penderma sebelum pemindahan sebarang anggota di dalam kematian biasa atau dari kaum keluarganya di dalam kematian akibat kemalangan.
- d) Tindakan-tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil supaya tidak ada pembunuhan manusia dan perdagangan anggota-anggotanya”.

## Huraian:

- a) Sumber yang menjadi asas hukum di atas ialah:
- i. Untuk menghapuskan kemudharatan, sepertimana yang dituntut oleh Hadis Rasulullah s.a.w. yang berbunyi “ لا ضرر ولا ضرار ” yang bermaksud “*Tidak boleh memudharatkan diri sendiri dan tidak boleh memudharatkan orang lain*”.
  - ii. Memberi kemudahan, sepertimana yang terkandung dalam firman Allah “ يريد الله بكم اليسر ولا يريد بكم العسر ( : البقرة : 185 ) ” yang bermaksud “*Allah berkehendakkan kemudahan untuk kamu dan tidak berkehendak kepayahan*”.
  - iii. Melakukan kemudharatan yang paling ringan di antara dua kemudharatan, sepertimana yang terkandung dalam kaedah Fiqh yang berbunyi “ ارتكاب أخف الضررين ” yang bermaksud, “*melakukan kemudharatan yang lebih ringan*”.
- b) Hukum harus menderma dan memindahkan organ juga tertakluk kepada berbagai-bagai syarat yang pada prinsipnya menjaga berbagai kepentingan selaras dengan kehendak syariat Islam. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:
- i. Ia tidak akan menyebabkan penderma menanggung kemudharatan atas dirinya seperti mati atau cacat seperti hilang pendengaran, penglihatan, kemampuan untuk berjalan dan sebagainya.
  - ii. Pemindahan berkenaan berlaku dengan izin penderma berkenaan.
  - iii. Keizinan berkenaan berlaku dalam keadaan penderma memiliki kelayakan penuh untuk melakukannya. Kerana itu ia tidak boleh dilakukan oleh kanak-kanak, orang gila, atau orang yang dipengaruhi oleh tekanan atau paksaan atau kekeliruan.

- iv. Ia tidak berlaku dengan cara yang mencabuli kehormatan manusia, seperti melibatkan urusan jual beli. Sebaliknya ia perlu berlaku berasaskan keizinan dan pendermaan semata-mata.
- v. Para doktor yang melakukan urusan pemindahan berkenaan mempunyai asas keilmuan yang cukup untuk membuat pertimbangan baik buruk ke atas penderma dan penerima berasaskan prinsip *masalah* dan *mafsadah* sepertimana yang terdapat dalam Syariat Islam.

# TAHUN 1981 - 1990



## Mengadakan Bank Air Mani Menurut Kacamata Islam

### Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang kali pertama di Bilik Gerakan Negeri, Seri Negeri, Melaka pada 28-29 Januari 1981 telah membincangkan isu Mengadakan Bank Air Mani Menurut Kacamata Islam dan telah bersetuju memutuskan seperti berikut:

- a) “Perkara mengadakan bank air mani adalah haram hukumnya dari segi Islam.
- b) Sekiranya bank air mani ini telah sedia wujud maka kerajaan hendaklah bertindak untuk menghapuskannya.
- c) Majlis memutuskan perkara pernianian beradas yang dilakukan kepada manusia adalah haram kecuali jika air mani daripada suami didapati secara “*muhtaram*” (yang diluluskan oleh syarak) dibenarkan oleh Islam.
- d) Pengalaman doktor pakar atau mana-mana pihak yang terlibat dengan bank air mani adalah haram hukumnya.
- e) Majlis juga meminta supaya kerajaan mengharamkan pernianian beradas yang dilakukan sekarang kepada manusia secara rahsia”.

## Huraian:

- a) Bank air mani telah ditubuhkan di negara-negara barat sebagai salah satu cara untuk membantu golongan yang memerlukan anak walaupun bukan dari benih sendiri. Amalan kehidupan seperti ini akan menjadi penyakit yang serius kepada zuriat dan keturunan manusia dan dibimbangi umat Islam yang cetek ilmu tentang hukum hakam agama akan turut terjebak dengan perkara ini.
- b) Di dalam Islam, sesuatu perkara yang hendak dilaksanakan untuk masalah umat hanya diperakukan oleh syarak sekiranya tidak bercanggah dengan dasar-dasar *kulli* iaitu:
  - i. menjaga agama (menjaga daripada berlaku fitnah terhadap agama, kesesatan dan mengikut hawa nafsu dan perkara-perkara yang merosakkan)
  - ii. menjaga diri (memelihara hak kehidupan yang mulia, menjaga anggota dan kehormatan diri)
  - iii. menjaga aqal (memelihara aqal manusia daripada kerosakan kerana aqal yang rosak adalah punca bebanan dan kejahatan manusia)
  - iv. menjaga keturunan (memelihara zuriat supaya dibesar dan dididik secara mulia dan terhormat)
  - v. menjaga harta benda (memperolehi dan memelihara harta benda dengan cara yang halal dan memberi faedah kepada semua tanpa kezaliman dan penganiayaan)
- c) Air mani yang diderma dan ditabungkan kemudian dimasukkan dalam rahim mana-mana wanita yang bukan isteri yang sah merupakan perbuatan yang melampaui batasan syarak dan akan menimbulkan kacau bilau kepada nasab dan keturunan manusia.
- d) Islam melarang keras seseorang itu daripada mengeluarkan air maninya dengan yang lain daripada isterinya yang sah. Oleh itu



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN FATWA**  
**ARAS 5 BLOK D7, KOMPLEKS D**  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**62519 PUTRAJAYA**  
**TEL: 03-8886 4000**  
**FAKS: 03-8889 2032**

**[www. e-fatwa.gov.my](http://www.e-fatwa.gov.my)**

ISBN 978-983-042-470-5



9 789830 424705



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YATSIAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA